

MENYINGKAP GEJOLAK
Rasa dan Citra
AZMAH NORDIN



ASMIATY AMAT



MENYINGKAP GEJOLAK
Rasa dan Citra
AZMAH NORDIN

ASMIATY AMAT

Dewan Bahasa dan Pustaka
Kuala Lumpur
2018

KANDUNGAN

<i>Prakata</i>	vii
<i>Pendahuluan</i>	ix
BAB 1 HUBUNGAN SASTERA DENGAN MANUSIA DAN MASYARAKAT	1
BAB 2 PENGLIBATAN DAN SUMBANGAN PENGARANG WANITA	24
BAB 3 PEMIKIRAN DAN PERSOALAN KARYA YANG MENJADI PEMANGKIN CERITA	40
BAB 4 GEJOLAK RASA DAN CITRA WANITA DALAM KARYA AZMAH NORDIN	81
BAB 5 GEJOLAK RASA DAN CITRA LELAKI DALAM KARYA AZMAH NORDIN	156
BAB 6 SASTERA SEBAGAI CERMINAN PENGARANG	203
<i>Bibliografi</i>	209
<i>Indeks</i>	217

PENDAHULUAN

Kemunculan pengarang wanita di Malaysia mula diperkatakan sejak tahun 1960-an. Kewujudan pengarang wanita dikatakan cuba mengimbangi wacana pengarang lelaki tanah air yang rancak memperagakan pemikiran dan aspirasi mereka dalam karya.

Gambaran watak wanita di tangan pengarang lelaki sering kali bersifat negatif. Pengalaman mereka tidak diendahkan, suara mereka dibisukan dan aktiviti mereka terhad. Mereka dicitrakan sebagai lemah, dungu, simbol seks dan pemusnah lelaki. Martabat kaum wanita begitu rendah sehingga terlintas di fikiran bahawa demikianlah minda Melayu dalam menempatkan kaum wanita di sisi lelaki.

Kemunculan karya wanita pada dasarnya bukanlah berniat langsung untuk menolak pemikiran dan pemahaman yang wujud dalam karya lelaki, namun ia adalah satu usaha penonjolan tipa wanita menerusi kaca mata mereka sendiri yang tentu sahaja berbeza dengan pencitraan yang dilakukan dalam wacana pengarang lelaki. Pengarang wanita ingin hadir dengan bahasa mereka sendiri bagi memaparkan pengalaman dan perasaan yang terbuka dalam fikiran dan perasaan masing-masing. Nama

seperti Adibah Amin, Salmi Manja, Fatimah Busu, Zurinah Hassan dan Khadijah Hashim mula dikenali dan tular dalam dunia kesusasteraan sebagai mewakili pengarang wanita Malaysia.

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kebanyakan pengarang wanita masih mengekalkan sifat-sifat semula jadi wanita yang lemah lembut, perasa dan tidak mampu untuk berbuat sesuatu bagi mengubah kehidupan mereka. Citra mereka masih bertunjangkan alasan sentimen kewanitaan Melayu yang tebal.

Kemunculan novel Azmah Nordin (Azmah) sekitar tahun 1989 dilihat sebagai satu episod baharu dalam dunia penulisan di Malaysia. Azmah hadir ketika negeri Sabah hanya mengenali beberapa orang pengarang wanita, seperti Sairah Antin, Zaiton Ajamain, Obasiah Haji Usman dan Sitti Rahmah G. Ibrahim. Nama Azmah mula melonjak pada pertengahan tahun 1990-an kerana karya-karyanya bertali arus sehingga memperlihatkan kesungguhan pengarang ini meniti takah demi takah sebagai salah seorang pengarang tersohor bukan sahaja di Sabah, tetapi di peringkat kebangsaan.

Kedudukan Azmah sebagai pengarang wanita yang memperlihatkan identiti tersendiri, membezakan beliau daripada pengarang wanita lain. Kerencaman tema dan gaya penulisan beliau juga sering disebut-sebut. Suatu ketika, kemampuan beliau sebagai pengarang wanita disetandingkan dengan pengarang lelaki mapan. Ini membuktikan Azmah sebagai pengarang wanita era 1990-an yang sangat cemerlang.

Kepengarangan Azmah yang agak berbeza ini menjadi satu fenomena dan turut memberi inspirasi kepada bentuk penulisan wanita selepasnya. Kehadirannya dan pengarang wanita selepasnya mula dikaitkan dengan fakta yang menyatakan bahawa kehadiran pengarang wanita berasbabkan keinginan untuk mempamerkan watak-watak wanita yang memiliki semangat juang yang tinggi, bijak dan berani, namun

mengekalkan prinsip sabar, cekal dan tabah mengharungi permasalahan hidup. Dengan kata lain, pencitraan watak wanita Azmah sungguhpun kelihatan lebih berani, cerdik, garang dan menyerlah, tetapi pada masa yang sama, tetap memperlihatkan ciri-ciri wanita Timur sejati lebih-lebih lagi bagi citra wanita Muslim.

Perkara ini ialah refleksi daripada penonjolan imej klise yang sering kali digambarkan oleh pengarang lelaki dan kesedaran terhadap citra wanita serta pemahaman terhadap kritikan feminis yang mula menular dalam dunia sastera di Malaysia.

Pemikiran pengarang yang tersaring dalam karya serta penonjolan watak-wataknya seakan-akan memiliki satu misi dan visi bahawa watak wanita yang selama ini dinafikan keberadaannya dalam karya pengarang lelaki perlu ditonjolkan dengan lebih terperinci dan spesifik. Oleh hal yang demikian, ciri-ciri kepengarangan Azmah ini menyerlah melalui pemikiran, emosi dan citra watak yang menjadi tokoh dalam novel-novelnya.

Buku ini menampilkan kajian berkenaan pemikiran, emosi dan citra watak-watak yang ditampilkan pengarang wanita ini. Novel-novel Azmah yang digunakan untuk kajian ini ialah *Dukanya Abadi* (1988), *Kukui* (1990), *Dari dalam Cermin* (1992), *Debur Menerpa* (1992), *Pantai Kasih* (1994), *Awang Kirana Mudir Besar* (1996) dan *Menongkah Lumrah* (1996). Kajian terhadap pemikiran yang diangkat pengarang perlu dianalisis bagi mempertautkan hubungan yang menjadi agenda pengarang semasa berkarya, dengan citra watak-watak dalam novel-novel tersebut.

Psikoanalisis Sigmund Freud yang disesuaikan dengan psikologi Islam serta teori feminisme yang diperkenalkan Elaine Showalter dimanfaatkan bagi melihat perspektif pencitraan watak-watak yang ditonjolkan pengarang. Mengambil kira pendapat bahawa penggunaan psikoanalisis Sigmund Freud dan feminisme kurang disenangi serta tidak sesuai untuk diterapkan dalam karya yang dihasilkan dalam budaya Melayu, analisis

Pendahuluan

diseimbangkan dengan perspektif budaya dan agama. Bagi menangani permasalahan kejiwaan yang dijelaskan dalam pendekatan Freudian, kajian ini hanya menggunakan konsep serta pemahaman psikoanalisis yang berkaitan dengan apa-apa yang dihubungkan dengan tindakan serta emosi watak yang digambarkan melalui aliran bawah kesedaran yang menjurus kepada aktiviti id, ego dan superego berfungsi.

Selanjutnya, jika hanya pendekatan psikologi Islam digunakan bagi memperincikan sikap dan tindakan watak yang ditampilkan Azmah dalam karyanya, ia tidak adil kerana karya Azmah bukan karya bercirikan Islam. Tambahan pula, tidak semua karya Azmah menampilkan watak Melayu beragama Islam. Oleh hal yang demikian, bagi menangani perkara tersebut, kajian perlu menggunakan kedua-dua pendekatan tersebut.

Menerusi aplikasi terhadap teori psikoanalisis, didapati bahawa Azmah seorang pengarang yang teliti dalam pencitraan watak-wataknya, tidak kira watak wanita atau lelaki. Pencitraan yang menjangkau pencitraan emosi atau kejiwaan watak yang kebanyakan digelar oleh pengkaji sebagai teknik penceritaan aliran bawah kesedaran ini menjadi semacam pembentukan identiti kepengarangan pengarang. Akhirnya, pembicaraan terhadap pemikiran dan citra watak-watak ciptaan Azmah mengakar kepada satu keinginan atau cita-cita pengarang terhadap penonjolan wanita sebagai susuk yang perlu diberi perhatian wajar. Perhatian tersebut diperlihatkan melalui pemikiran, pencitraan watak, penggunaan bahasa yang meliputi simbol-simbol yang akhirnya mengangkat keperibadian atau identiti kepengarangan pengarang ini sebagai pengarang feminis ala Malaysia. Penekanan terhadap cara pengarang mencitrakan watak-wataknya sekali gus memperlihatkan jiwa atau dalaman diri pengarang sendiri, bergejolak bagi memaparkan citra watak-watak yang diinginkannya.

Sungguhpun Showalter melalui ginokritik menolak psikoanalisis Sigmund Freud berdasarkan pemahaman berat

sebelah yang dilakukan Sigmund Freud sebagai seorang lelaki terhadap pengarang wanita, kajian ini memperlihatkan bahawa kedua-dua pendekatan ini boleh digunakan secara serentak, bergantung pada cara peralatan tersebut dimanfaatkan. Psikoanalisis adalah satu teori yang memperlihatkan pencitraan watak yang mengalami tekanan, konflik atau dilema melalui gambaran watak-watak yang berhadapan dengan kekecewaan, ketakutan, kebimbangan, kerunsingan, rasa tidak selamat dan memiliki keinginan-keinginan yang tidak mampu dicapai. Semua bentuk pencitraan tersebut memiliki matlamat bahawa sebagai pengarang wanita, Azmah sedaya upaya mencitrakan watak-waktunya sedemikian rupa bagi mencapai matlamat beliau untuk mengangkat dunia wanita yang menjadi bahasa utamanya dalam berkarya.

Pembicaraan berkenaan pemikiran Azmah dalam karya-karyanya sekali gus memperlihatkan amanat yang ingin ditonjolkan pengarang dan memaparkan ciri-ciri perhatian pengarang terhadap masyarakat persekitarannya. Sehubungan penonjolan watak wanita Azmah yang kuat, tegar dan konsisten, Azmah sekali gus menterbalikkan watak-watak lelaki. Dengan kata lain, watak-watak lelaki di tangan Azmah tidak lagi menjadi seistimewa watak-watak hero yang biasa ditemui dalam karya-karya pengarang lain. Semua ini dirangkumkan sebagai satu bentuk kesengajaan bagi memaparkan gejolak rasa watak-watak dalam karya Azmah memiliki matlamat masing-masing. Pada satu pihak, ia memperlihatkan sistem patriarki berfungsi bagi melemahkan kaum wanita dan feminisme bangkit sebagai satu perjuangan memartabatkan wanita dan dunia kewanitaannya.

Asmiaty Amat

Kota Kinabalu, Sabah

BAB 1

HUBUNGAN SASTERA DENGAN MANUSIA DAN MASYARAKAT

Perkara menarik yang dikaitkan dengan analisis karya ialah pemahaman tentang bagaimana keberadaan sesebuah karya dalam lingkungan masyarakatnya. Menurut Abrams (1979:227), karya sastra merupakan cerminan pelaku manusia, jendela tempat pembaca memahami dunia dan keperibadian pengarang. Sastra ialah cerminan masyarakat. Pengarang ialah ahli masyarakat dan karya sastra yang dihasilkan pengarang ialah cerminan perasaan, fikiran dan keinginan terpendam pengkarya yang merupakan ahli dalam masyarakat. Beberapa perkara perlu ditelusuri bagi menelaah hubungan antara keperibadian dengan karya sastra. Pertama, pengamatan terhadap minat dan kecenderungan pengarang perlu diambil kira. Kedua, perlu difahami bahawa pengarang juga tidak terlepas daripada karyanya. Pengamatan harus dilakukan terhadap biografi pengarang untuk merekonstruksi sisi kehidupannya dan menggunakan karya-karya pengarang sebagai rakaman kehidupan dan perwatakan watak dalam karya. Ketiga, karya sastra perlu ditemukan sebagai cerminan keperibadian pengarang. Keperibadian ini pula tentu sahaja diistilahkan atau dihubungkan dengan apa yang dinamakan psikologi.

Bersabit hubungan antara sastera dengan psikologi, terdapat beberapa faktor yang perlu diperhatikan, iaitu pertama; karya sastera harus merefleksikan kekuatan dan kepakaran penciptanya. Kedua, karya sastera harus memiliki keistimewaan dalam hal gaya atau teknik pengucapan serta bahasa sebagai alat untuk mengungkapkan fikiran dan perasaan pengarang. Ketiga, masalah gaya, struktur dan tema karya sastera harus saling berkait dengan elemen-elemen yang mencerminkan fikiran dan perasaan individu yang di dalamnya terangkum pesan atau amanat utama, minat pengarang, gejolak dan gelora jiwa, kesenangan dan ketidakselesaan yang memberikan kesinambungan dan penonjolan terhadap keperibadian.

Menurut Edmund Wilson (dalam Abrams, 1979:228), elemen terpenting daripada karya fiksi ialah elemen-elemen yang mencakupi keperibadian pengarang, daya imaginasi yang mampu menampilkan citra melalui watak dan situasi serta adegan konflik yang dialami watak. Secara dasarnya, perwatakan watak dalam karya merupakan personifikasi pelbagai impuls dan emosi pengarang. Hubungan antara elemen tersebut dalam strategi naratif pengarang merupakan elemen yang dialami oleh pengarang.

Watak biasanya dihidupkan untuk membangunkan suatu objek dan secara psikologi mewakili pengkarya. Melalui watak juga, pesan atau amanat mampu ditampilkan. Watak yang menjadi tumpuan penelitian biasanya terdiri daripada watak utama; manakala watak sampingan tetap memiliki peranan penting bagi memperjelas dan mengukuhkan pencitraan watak utama.

Hakikatnya, sebuah karya sastera khususnya prosa, sentiasa menampilkan kisah watak atau tokoh yang bergelumang dengan kehidupannya, ketika ia berinteraksi dan beradaptasi dalam masyarakat atau dalam lingkungan sosialnya. Bagi menghidupkan cerita dan menjadikannya berkembang dengan lebih menarik, tugas pengarang ialah menampilkan watak-watak yang membawa karakter yang mampu membicarakan atau menampilkan aspirasi yang diinginkan pengarang. Kebijaksanaan